

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 10, 2020 11:20 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Perluas Jalinan Kerjasama Antarabangsa Di Thailand



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 FEBRUARI 2020 / 16 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SMMTC

UUM PERLUAS JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA DI THAILAND



UUM ONLINE: Hasil kerjasama antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan dua universiti di Thailand iaitu Suan Dusit University (SDU) dan Thaksin University (TU) bakal memanfaatkan ketiga universiti ini dalam pelbagai bidang melibatkan pelajar dan pensyarah.

Pensyarah di SMMTC, Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad berkata, kerjasama dengan kedua-dua universiti negara jiran itu bukan sahaja untuk berkongsi idea dalam program kepimpinan pelajar, malah dalam pelbagai bidang lain pada masa hadapan.

"Lebih banyak program seperti persidangan, pertukaran pelajar, geran penyelidikan serta mobiliti program dan lawatan akan diadakan bagi mengerat dan memperluaskan hubungan UUM di peringkat antarabangsa.

"Hubungan antara UUM dengan SDU dan TU sudah lama terjalin terutamanya apabila kedua-dua universiti ini melaksanakan pelbagai aktiviti membabitkan pelajar dan pensyarah," katanya pada Seminar Kepimpinan Pelajar 2020 di Thaksin University, baru-baru ini.

Seramai 15 pelajar dan 10 pensyarah daripada ketiga-tiga universiti terlibat telah membentangkan kajian kes masing-masing bagi merealisasikan bentuk kerjasama antarabangsa dalam program tersebut.

Antara topik perbincangan ialah pembinaan kapasiti kepimpinan, teknik menjadi pemimpin, ciri-ciri pemimpin, sosial media dan pemimpin masa depan serta beberapa kajian kes turut dibincangkan bagi membolehkan pelajar kedua-dua negara memahami kepentingan melahirkan pemimpin berkualiti di peringkat antarabangsa mahupun dalam negara.

Sementara itu, Timbalan Pengarah SDU, Dr. Ajarn Songsakda Chayanukro berkata, beliau berharap ilmu dalam seminar tersebut dapat melahirkan seorang pemimpin yang berkualiti tinggi, selain menjadi program antarabangsa berskala besar yang boleh membangun pada masa hadapan.

Dekan Akademik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, TU, Dr. Lunchukorn Sriwimon berkata, pemimpin pelajar dalam kalangan golongan muda perlu mempunyai kemampuan untuk menjadi seorang pemimpin yang terbaik di masa hadapan.

Seminar anjuran Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) itu turut mengadakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di sekolah pondok Bumrungsakda Islamic Boarding School, Hatyai dengan memberi sumbangan wang tunai dan barangan untuk pelajar miskin serta anak yatim di sekolah berkenaan.

Terdahulu, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SDU bagi meningkatkan hubungan dua hala sedia ada di antara kedua universiti.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.